

Ditemui orang awam di Narathiwat sebelum dihantar ke balai polis

Dua beradik sudah dijumpai

KOTA BHARU – Dua beradik perempuan berusia sembilan dan 12 tahun yang keluar rumah untuk bertemu bapa mereka sejak Ahad lalu telah ditemui dalam keadaan selamat di Narathiwat, Thailand semalam.

Kanak-kanak berkenaan, Nur Fatihah Najwa Sueman, 12, dan Siti Nur Insyirah, 9, ditemui orang ramai yang kemudian menghantar dua beradik itu ke balai polis.

Ibu mereka, Nazimah Abdullah, 33, berkata, dia mengetahui anak ketiga dan keempat dijumpai pada jam 7.30 malam selepas menghubungi suaminya, Seman Omar, 37.

“Suami memaklumkan sudah menemui mereka. Dia juga memberitahu su-

Dua beradik hilang cari bapa

Kanak-kanak berumur 9 dan 12 tahun nekad keluar rumah sendirian ke Narathiwat, Thailand.

da mengambil dua anak kami dan mereka ditemui selamat.

“Saya tidak dapat tidur kerana risaukan mereka. Saya rasa lega kerana mereka sampai ke kampung bapanya di Golok,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sebelum mengetahui kedua-dua anaknya ditemui selamat, Nazimah mengakui dia sentiasa meninggalkan rumah untuk



NUR FATIHAH NAJWA dilaporkan membawa bersama adiknya untuk mencari bapa mereka yang kini berada di Golok, Thailand.

selepas dua perempuannya yang dilaporkan hilang ketika keluar dari rumah mereka di Kampung Machang Limbat, Pasir Tumbuh, di sini pada pukul 4 petang Ahad lalu.



NAZIMAH bersama Siti Nur Insyirah yang sudah ditemui selamat di Narathiwat semalam.

mencari bapa kandung mereka pada Ahad lalu masih gagal ditemui.

Lebih membingungkan

Nazimah apabila Nur Fatihah Najwa dan adiknya juga dikatakan diaktakan belum tiba di rumah bapa mereka di Golok, Thailand.

Jarak antara rumah dua beradik itu di Kampung Machang Limbat, Pasir Tumbuh di sini dengan rumah bapa mereka di Golok ialah kira-kira 50 kilometer.

Nur Fatihah Najwa dan Siti Nur Insyirah yang juga murid Sekolah Kebangsaan Long Ghaffar di sini dilaporkan hilang selepas keluar daripada rumah mereka di Kampung Machang Limbat, Pasir Tumbuh, di sini pada pukul 4 petang Ahad lalu.

Kedua beradik perempuan itu juga dikatakan telah memecahkan tabung

dan membawa bekalan wang tunai sebanyak RM30 semata-mata untuk mencari bapa kandung mereka, Seman Omar, 37 yang kini menetap di Golok, Thailand.

Menurut Nazimah yang bekerja sebagai pembantu kedai makan, dia kini dalam proses berpisah dengan suaminya dan mereka sudah lama tidak tinggal sebumbung.

Kosmo! semalam melaporkan, hanya kerana terlalu rindukan kasih seorang ayah, dua beradik perempuan tersebut sanggup memecahkan tabung dan meninggalkan kedian mereka di Kampung Machang Limbat, Pasir Tumbuh di sini semata-mata ingin menjelaki lelaki itu.